ACI DUDUK

Permainan ini merupakan hasil kreativiti kanak-kanak dahulukala bagi mengisi masa lapang. Ianya dimainkan secara berkumpulan terdiri dari empat hingga lapan pemain. Lazimnya dimainkan oleh kanak-kanak perempuan mahupun lelaki berumur enam tahun keatas di kawasan lapang atau padang. Setelah dibuat undian seorang pemain akan menjadi "pengejar" dan akan cuba mengejar serta menangkap pemain-pemain yang lari berkeliaran di kawasan lapang. Pemain yang mendapati dirinya hampir kena tangkap boleh menyelamatkan dirinya dengan cara duduk bercangkung. Pengejar tidak dibenarkan mengejar dan menangkap pemain tersebut sehinggalah ia diselamatkan oleh pemain-pemain lain dengan cara menyentuhnya. Pemain yang disentuh akan berdiri dan terus berlari untuk mengelakkan diri ditangkap oleh pengejar. Pengejar pula akan terus berusaha menangkap salah seorang pemain dan jika berjaya, pemain tersebut pula akan menjadi pengejar. Kaedah bermain akan diteruskan dan permainan ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa sahaja jika dipersetujui bersama oleh kesemua pemain.

ACI DUDUK

This game of "catch" is created by children as one of their pastime activities. Played in a group of four to eight players, by both boys and girls aged six year and above, it is usually played outdoor in an open space. The catcher is required to hunt the other players in an attempt "catch" them. A player who is being run after may save himself by squatting on the ground. The catcher may not chase or catch the squatting player until he is rescued by another player, by touching him. The rescued player may then be hunt down by the catcher once more. The catcher pursues his target until he catches one of them, who in turn becomes the catcher.

